

29/05/1998

Lester Technology mahu terokai pasaran dunia

SEBUAH syarikat yang terbabit dalam pembangunan teknologi perlindungan data elektronik dan digital tempatan bercadang memasarkan teknologi keluaran syarikat itu ke seluruh dunia.

Lester Technology Group Sdn Bhd yakin teknologi perlindungan data digital dan elektronik yang diusahakan dapat diterima di peringkat antarabangsa.

Pengerusinya, Mirzan Mahathir, percaya perkembangan pesat kegiatan perdagangan elektronik (e-commerce) membolehkan produk teknologi perlindungan data mendapat tempat.

"Kami sedia bertindak sebagai Certification Authority (CA) di peringkat tempatan, Asia, malah bagi seluruh dunia," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Ibu Pejabat Global Lester Technology, semalam.

Perasmian disempurnakan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

(END)